05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KEBERKESANAN KAD PERMAINAN UNTUK MENGENALPASTI RADAS MAKMAL DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN SATU

SALINATUL SAADIAH BINTI SAAT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BIOLOGI (MOD KERJA KURSUS)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kelemahan mengenalpasti dan mengendalikan radas makmal kerap dikesan di peringkat pengajian sekolah menengah. Kajian eksperimen ini dijalankan untuk menguji keberkesanan kad permainan sebagai salah satu kaedah pengukuhan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai radas makmal dalam kalangan murid tingkatan satu serta menguji penilaian murid terhadap kad permainan yang dibangunkan. Subjek dalam kajian ini adalah murid tingkatan satu di sebuah sekolah menengah. Empat puluh orang responden yang dipilih secara persampelan rawak dua peringkat telah digunakan dalam kajian ini. Satu kumpulan sebagai kumpulan rawatan, manakala satu kumpulan yang lain sebagai kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan didedahkan dengan penggunaan kad permainan manakala kumpulan kawalan didedahkan dengan pembelajaran secara kaedah tradisional. Data dikumpul menggunakan ujian pra dan pasca dan soal selidik penilaian. Perbezaan dapatan ujian tersebut pula dilihat menggunakan statistik inferensi ujian-t, manakala skala Likert dianalisis menggunakan statistik deskriptif frekuensi, min dan median. Dapatan analisis ujian-t menunjukkan bahawa skor min ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan meningkat jika dibandingkan dengan ujian pra. Walaubagaimanapun responden yang menggunakan kad permainan telah menunjukkan peningkatan skor min yang lebih tinggi daripada responden yang terdedah dengan kaedah tradisional. Ini jelas menunjukkan bahawa kaedah kad permainan memberi impak yang signifikan terhadap murid dalam mengenalpasti radas makmal. Seterusnya murid kumpulan rawatan juga diminta untuk menilai keberkesanan kad permainan yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan empat kriteria iaitu matlamat, rekabentuk kad, komponen dan sistem, serta kebolehgunaan permainan. Secara keseluruhan, murid sangat bersetuju bahawa kad permainan memenuhi empat kriteria. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan kad permainan dapat meningkatkan pengetahuan asas radas makmal dan membuka kefahaman mengenai perlunya usaha yang berterusan dalam melakukan pelbagai inisiatif dan inovasi untuk meningkatkan pencapaian murid dalam subjek sains seterusnya kualiti pendidikan juga dapat dipertingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPD DONE MyTO SCAN

EFFECTIVENESS OF EDUCATIONAL CARD TO IDENTIFY LABORATORY APPARATUS AMONG FORM ONE STUDENTS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

Weakness in identify and control laboratory apparatus frequently detected in high school education levels. This experimental study was conducted to test the effectiveness of the card game as one of the strengthening methods to increase knowledge of laboratory apparatus among students form one and to test students evaluation of the card's development. Subjects in this study are the form one students at a secondary school. Forty students selected from two stage random sampling have been used in this study. One group as a treatment group while the other one group, as the control group. The treatment group was exposed to the use of the card game while the control group was exposed to traditional method. Data collected using pre and post-test and questionnaire on evaluation. The difference in the test results were seen using t-test statistical inference, while Likert scale was evaluated using descriptive analysis frequency, mean and median. The findings of the analysis of the t-test showed that mean score of post-test for both group increase compared to pre-test. However, games card respondents showed higher mean score compared respondents which using traditional method. This clearly shows that the game cards method give significance impact on students in identifying laboratory apparatus. Students in treatment group were also asked to assess the effectiveness of game cards used in this study, based on four criteria: objective, card design, components and system, games usability. Overall, students very agree that card game fulfilled four criteria. In conclusion, this study successfully proved that card games improved basic knowledge of laboratory apparatus and opened the understanding of the need for continued efforts in conducting various initiatives and innovations to improve student achievement in science subject's so on educational quality can also be improved.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	7

1.8 Kepentingan Kajian 8

1.8.1 Guru 9

1.8.2 Murid 9

1.9 Batasan Kajian 10

1.10 Definisi Operasional 10

1.10.1 Keberkesanan 10

1.10.2 Kad Permainan 11

1.10.3 Pengetahuan 11

1.10.4 Radas Makmal Sains 11

1.11 Rumusan 12

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 13

2.2 Pembelajaran Berasaskan Permainan 13

2.3 Kad Permainan Sebagai Permainan Pendidikan 16

2.4 Pengetahuan dan Pengendalian Radas 21

2.5 Rumusan 25

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 26

3.2 Reka Bentuk Kajian 27

3.3 Populasi Kajian 28

3.4 Persampelan Kajian 29

3.5 Instrumen Kajian 30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Ujian Pra-Pasca 30

3.5.2 Soal Selidik 32

3.6 Pembinaan Kad Permainan 32

3.7 Kajian Rintis 34

3.8 Ujian Kesahan dan Kebolehpercayaan 35

3.8.1 Kesahan 35

3.8.2 Kebolehpercayaan 36

3.9 Ujian Normaliti 37

3.10 Tatacara Pengumpulan Data 38

3.11 Teknik Analisa Data 40

3.12 Rumusan 45

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 46

4.2 Dapatan instrumen ujian pra-pasca 47

4.2.1 Ujian Pra-Pasca Pengetahuan Nama Radas 47

4.2.2 Ujian Pra-Pasca Pengetahuan Kegunaan Radas 49

4.3 Dapatan Instrumen Soal Selidik Penilaian 51

4.3.1 Penilaian Matlamat Kad Permainan 51

4.3.2 Penilaian Reka Bentuk Kad Permainan 52

4.3.3 Penilaian Komponen dan Sistem Kad Permainan 53

4.3.4 Penilaian Kebolehgunaan Kad Permainan 54

4.4 Rumusan 56

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 57

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian 57

5.2.1 Pengetahuan Nama Radas Makmal 58

5.2.2 Pengetahuan Kegunaan Radas Makmal 59

5.2.3 Matlamat Kad Permainan 60

5.2.4 Reka Bentuk Kad Permainan 61

5.2.5 Komponen dan Sistem Kad Permainan 62

5.2.6 Kebolehgunaan Kad Permainan 63

5.3 Kesimpulan Kajian 64

5.4 Cadangan Inovasi Kajian 65

5.5 Implikasi Kajian 66

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 66

5.7 Penutup 67

RUJUKAN 68

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian Eksperimen	28
3.2	Nilai Cronbach Alpha Kebolehpercayaan Ujian Rintis	36
3.3	Keputusan Ujian Normaliti	38
3.4	Petunjuk Skala Likert	41
3.5	Skala Interpretasi Penilaian Kad Permainan	43
3.6	Teknik Analisa Data	43
4.1	Skor Min Pengetahuan Nama Radas	48
4.2	Perbezaan Peningkatan Min Skor Pengetahuan Nama Radas	49
4.3	Skor Min Pengetahuan Kegunaan Radas	50
4.4	Perbezaan Peningkatan Min Skor Pengetahuan Kegunaan	50
4.5	Penilaian Kad Permainan Berdasarkan Kriteria Matlamat	52
4.6	Penilaian Kad Permainan Berdasarkan Kriteria Reka Bentuk	53
4.7	Penilaian Kad Permainan Berdasarkan Kriteria Komponen dan Sistem	54
4.8	Penilaian Kad Permainan Berdasarkan Kriteria Kebolehgunaan Permainan	55

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	8
3.1	Prosedur Persampelan Kelompok Dua Tingkat	29
3.2	Indeks Pengetahuan Asas Makmal	31
3.3	Tatacara Pengumpulan Data	39

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Peraturan *Tortoise Games Card*

B Insrumen Ujian Pra-Pasca

C Soal Selidik Penilaian

D Kesahan Instrumen

E Kebolehpercayaan Instrumen

F Ujian Normaliti

G Ujian-t dan Analisis Frekuensi, Min, Median

H Jadual Nilai Kritikal Bagi Taburan T

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Aktiviti eksperimen telah lama disarankan sebagai satu strategi pengajaran dalam sains, namun tahap penguasaan kemahiran manipulatif termasuk mengenali radas khususnya pelajar lepasan sekolah menengah masih tidak memberangsangkan. Kajian yang dijalankan oleh Mariam Faridah Che' Muda dan Rohaida Mohd Saat (2010) telah mengenalpasti terdapat kelemahan dalam penguasaan pengetahuan asas radas makmal dalam kalangan murid tingkatan empat. Lee (2005) juga mendapati lebih kurang 40% daripada pelajar Kolej Matrikulasi Kedah juga tidak dapat menamakan radas, kelemahan ini dikesan apabila pelajar mengambil radas yang salah semasa eksperimen. Dapatan Izuan Shah Ahmad Tajuddin (2005) menunjukkan terdapat

pelajar Kolej Matrikulasi Labuan tidak dapat mengendalikan radas sains dengan sempurna walaupun mereka biasa menggunakannya di makmal sains.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Pengetahuan asas terhadap penggunaan alat radas perlu dikuasai sejak di tingkatan satu. Malah di peringkat sekolah rendah juga, murid-murid telah diperkenalkan dengan alat radas makmal sains. Pengetahuan mengenai peralatan serta kemahiran menggunakannya adalah sangat penting untuk menjamin segala maklumat yang direkod dalam sesuatu eksperimen adalah betul dan tepat, dan supaya dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang kerosakan atau kemalangan. Justeru, usaha perlu dilakukan agar murid pada hari ini dapat menguasai pengetahuan sains dan kemahiran manipulatif, bagi membolehkan murid belajar secara aktif memahami alam, mencari jawapan kepada sesuatu masalah serta membuat keputusan secara bersistem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru perlu berperanan secara berkesan bagi merancang strategi pengajaran yang paling sesuai dengan murid supaya ilmu yang disampaikan benar-benar dapat dikuasai oleh murid. Guru berkesan mampu menterjemahkan kandungan kurikulum sesuatu mata pelajaran dengan cara yang menarik dan mudah difahami pelajar. Wan Hasmah dan Nur Munirah (2013) dalam bukunya bertajuk "Pembelajaran aktif" membincangkan bahawa permainan merupakan salah satu aktiviti yang dapat digunakan oleh guru bagi menggalakkan murid terlibat secara aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Malah menurut Ad Nor Azli Ismail dan Jamil Ahmad

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2014), konsep pembelajaran berasaskan permainan dapat memberi nilai tambah kepada kaedah pembelajaran konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Konsep asas sains hendaklah dikuasai sejak peringkat awal pembelajaran. Ia merangkumi kemahiran manipulatif termasuk keupayaan menamakan radas makmal, dan memahami kegunaaan radas makmal. Walaupun pengenalan sains telah dipelajari sejak di bangku sekolah rendah, namun masalah berkaitan penguasaan radas makmal masih dikesan di peringkat tinggi, sama ada di sekolah menengah dan di kolej. Banyak kajian yang menunjukkan kelemahan penguasaan penggunaan asas radas makmal dan kemahiran mengendalikan radas. Kajian kajian tersebut adalah seperti kajian oleh Sinnadurai Wrutheran, Alyas Mohamad, Rohani Abd Hamid, dan Wan Mazlan Wan Muda (2004), Farhana Munirah Rosland (2004) dan Izuan Shah Ahmad Tajuddin (2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala kajian lain yang menunjukkan kelemahan murid menamakan radas dikesan oleh Lee (2005) apabila lebih kurang 40% daripada pelajar Kolej Matrikulasi Kedah tidak dapat menamakan radas. Selain itu kajian yang dijalankan oleh Lily Noridah Mohd Nor (2007) iaitu mengkaji tahap pengetahuan murid sains tulen dan sains teras dalam mengenalpasti radas, mendapati sebilangan besar pelajar berada pada tahap yang sederhana dan hanya boleh menjawab dengan betul sebahagian sahaja daripada alat radas yang ditunjukkan. Dalam kajian tersebut 10 jenis alat radas yang biasa digunakan di dalam makmal sains sekolah digunakan iaitu tabung uji,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

corong turas, kelalang kon, mangkuk pijar, piring petri, jam randik, pemegang tabung uji, balang gas, neraca tuas dan mangkuk sejat. Hasil kajian ini dapat memberi maklumat tentang masih terdapat kelemahan pelajar dalam pengetahuan kemahiran manipulatif mengenalpasti alat radas dengan betul. Pelajaran sains yang kurang menarik dan tidak memotivasikan murid untuk belajar seterusnya akan mempengaruhi pencapaian murid. Guru perlu prihatin dan merancang kaedah dan aktiviti yang berbeza mengikut cara belajar dan kecerdasan murid, serta mempelbagaikan aktiviti yang menarik minat murid untuk mempelajari sains. Henry Ellington adalah antara tokoh yang banyak membuat kajian berkaitan permainan pendidikan. Ellington, Addinall, dan Percival (1981) dalam bukunya "*Games and simulation in science education*" turut membincangkan bahawa permainan sesuai untuk digunakan dalam pendidikan sains, ini kerana permainan pendidikan dapat digunakan untuk meningkatkan pengetahuan asas. Melalui aktiviti bermain, murid-murid seronok belajar sesuatu perkara, mereka terus berminat untuk mengambil bahagian dalam sesi pembelajaran, kesannya tumpuan kepada sesuatu perkara menjadi semakin baik (Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ellington et al. (1981) juga ada membincangkan bahawa apabila sesuatu fakta telah diajar oleh guru, ia perlu diperkukuhkan melalui latihan, supaya murid dapat menterjemahkan kefahaman mereka terhadap perkara yang dipelajari itu kepada situasi yang lebih spesifik. Latihan pengukuhan yang mungkin boleh diberi oleh guru adalah melalui medium kad permainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalannya, adakah kaedah kad permainan berkesan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal sains dalam kalangan murid tingkatan satu? dan

apakah penilaian murid terhadap kad permainan yang dibangunkan? Oleh yang demikian, dalam kajian ini, kad permainan akan diuji keberkesanannya dalam meningkatkan pengetahuan mengenalpasti radas makmal dan kegunaan radas makmal sains dalam kalangan murid tingkatan satu. Selain itu, kad permainan yang dibangunkan dinilai oleh murid tingkatan satu berdasarkan empat kriteria iaitu matlamat, rekabentuk, komponen dan sistem, serta kebolehgunaan permainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

i) Menguji sama ada kaedah kad permainan dapat meningkatkan pengetahuan mengenalpasti radas makmal dan kegunaanya dalam kalangan murid tingkatan satu.

ii) Menganalisis penilaian murid tingkatan satu terhadap penggunaan kad permainan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal berdasarkan empat kriteria: matlamat, reka bentuk, komponen dan sistem, serta kebolehgunaan permainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara persoalan yang ingin dikaji adalah:

i) Adakah kaedah kad permainan dapat meningkatkan pengetahuan mengenalpasti radas makmal sains dalam kalangan murid tingkatan satu?

ii) Adakah kaedah kad permainan dapat meningkatkan pengetahuan kegunaan radas makmal sains dalam kalangan murid tingkatan satu?

iii) Apakah penilaian murid tingkatan satu terhadap penggunaan kad permainan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal berdasarkan kriteria matlamat?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Apakah penilaian murid tingkatan satu terhadap penggunaan kad permainan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal berdasarkan kriteria reka bentuk?

v) Apakah penilaian murid tingkatan satu terhadap penggunaan kad permainan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal berdasarkan kriteria komponen dan sistem?

vi) Apakah penilaian murid tingkatan satu terhadap penggunaan kad permainan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal berdasarkan kriteria kebolehgunaan permainan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{01}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara skor min pengetahuan menamakan radas makmal bagi murid tingkatan satu yang menggunakan kad permainan dan murid tingkatan satu yang tidak menggunakan kad permainan.


H_{02}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara skor min pengetahuan kegunaan radas makmal bagi murid tingkatan satu yang menggunakan kad permainan dan murid tingkatan satu yang tidak menggunakan kad permainan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menggunakan kerangka konsepual kajian yang telah diadaptasi daripada Gutierrez (2014). **Rajah 1.1** menunjukkan kerangka konseptual kajian ini. Ia mengabungkan isi kandungan pengajaran dan objektif yang akan diajar dalam format kad permainan. Kajian ini melibatkan dua fasa, Fasa pertama merupakan pembinaan kad permainan dan fasa kedua melibatkan penggunaan kad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Diadaptasi dari Gutierrez, 2014

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi menguji keberkesanan kad permainan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal dalam kalangan murid tingkatan satu. Keberkesanan kad permainan akan dilihat dari segi keupayaannya membantu murid tingkatan satu dalam mengenalpasti radas dan menyatakan kegunaan radas makmal. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menambahkan literatur berkaitan kajian pengetahuan radas makmal dan pembelajaran menggunakan kad permainan di samping memberi maklum balas dan manfaat kepada pelbagai pihak seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Semasa melaksanakan pembelajaran aktif, guru akan bertindak sebagai pemudahcara, manakala murid akan melaksanakan aktiviti yang dirancang oleh guru. Untuk menjadikan proses pembelajaran berlaku secara aktif, guru perlu bijak mempelbagaikan kaedah pengajaran. Kewujudan kad permainan ini dilihat dapat memberi idea kepada guru dalam mempraktikkannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan pengenalan asas radas makmal. Guru dapat menggunakan kad permainan sebagai alat bantu mengajar bagi memperkayakan pengalaman murid semasa proses pengajaran berlangsung.

1.8.2 Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kad permainan yang diperkenalkan kepada murid diharapkan dapat membantu meningkatkan penguasaan alat radas makmal. Murid dapat mengenali radas dan kegunaannya dengan mudah dan menyeronokkan. Apabila murid dapat mengenalpasti radas dan kegunaannya dengan baik, proses pengendalian radas sewaktu eksperimen dijangkakan lebih terurus, dan murid dapat menguasai kemahiran manipulatif seperti yang dikehendaki dalam kurikulum sains.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan wujudnya kekangan yang tidak dapat dielakkan, maka kajian ini dijalankan dengan terdapatnya batasan tertentu seperti:

a) Tempat kajian dibataskan kepada sebuah sekolah menengah di daerah Klang, Selangor.

b) Sampel kajian terdiri daripada 40 orang murid tingkatan satu sebuah sekolah menengah di Klang, Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang umum dikhaskan dalam kajian ini. Berikut adalah definisi operasional bagi istilah tersebut:

1.10.1 Keberkesanan

Keberkesanan didefinisikan sebagai perihal berkesannya sesuatu tindakan atau perubahan. Dalam kajian ini, keberkesanan yang dimaksudkan adalah akibat atau pengaruh penggunaan kad permainan terhadap peningkatan pengetahuan berkaitan radas makmal. Perbezaan min skor yang diperoleh dari ujian pasca berbanding ujian pra menunjukkan keberkesanan yang berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.2 Kad Permainan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kad didefinisikan sebagai kepingan kertas yang agak tebal dan keras dan biasanya berbentuk empat persegi. Dalam kajian ini kad permainan yang dibangunkan merujuk kepada kepingan kertas yang agak tebal dan keras dan berbentuk empat segi dengan ukuran (8cm x 6.5cm) serta dilengkapi dengan maklumat, grafik dan rajah berkaitan radas. Kad permainan yang dibina oleh pengkaji menggunakan rajah kura-kura sebagai satu simbol yang patut dielakkan oleh murid. Kad permainan ini diadaptasi daripada permainan *"Donkey Card"* yang satu ketika dahulu pernah menjadi permainan yang popular dalam kalangan kanak-kanak. Kad permainan yang digunakan dalam kajian ini dinamakan *"Tortoise Game"* (Lampiran A).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.3 Pengetahuan

Pengetahuan didefinisikan sebagai sesuatu yang difahami dan kemahiran yang diperolehi melalui pembelajaran dan pengalaman. Dalam kajian ini pengetahuan merujuk kepada keupayaan murid menamakan radas makmal serta menyatakan kegunan radas makmal dengan tepat.

1.10.4 Radas Makmal Sains

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Lily Noridah Mohd Nor (2007) menguji tahap pengetahuan di antara pelajar sains tulen dan pelajar sains teras dalam mengenal pasti dan mengendalikan alat radas dan bahan kimia di makmal sains sekolah,

mengkatogerikan semua alat dan bahan yang digunakan semasa menjalankan eksperimen atau yang berada di makmal sains sebagai alat radas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya terdapat banyak radas sains, namun dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada lima belas radas sahaja. Radas-radas berikut merupakan radas asas yang biasanya terdapat di dalam makmal sekolah menengah dan digunakan oleh murid dalam mata pelajaran sains. Radas yang digunakan dalam kajian ini adalah: bikar, tabung uji, spatula, penitis, kaki retort, kelalang kon, tungku kaki tiga, corong penuras, pemegang tabung uji, kasa dawai, termometer, rak tabung uji, jam randik, silinder penyukat dan penunu bunsen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan

Pembelajaran yang berjaya memperlihatkan hasil yang signifikan kepada keberhasilan dan peningkatan pencapaian seseorang murid. Guru perlu kreatif untuk menjadikan pembelajaran berkesan terus berlangsung dan memastikan objektif pembelajaran tercapai dengan jayanya. Kelemahan penguasaan radas makmal perlu di atasi lebih awal, dengan pengetahuan radas makmal,murid dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut untuk menyiasat dan meneroka bidang ilmu sains dengan lebih bersistematik. Justeru keberkesanan kad permainan dalam meningkatkan pengetahuan asas radas makmal dan kegunaanya akan diuji dalam kalangan murid tingkatan satu serta responden akan menilai kad permainan yang dibangunkan berdasarkan keperluan kriteria matlamat, reka bentuk, komponen kad serta kebolehgunaan permainan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan secara kritikal dan logikal berkaitan pembelajaran berasaskan permainan, kad permainan, serta kajian-kajian berkaitan termasuk kajian lepas berkaitan pengetahuan dan pengendalian radas sains.

2.2 Pembelajaran Berasaskan Permainan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebenarnya sejak tahun 1970-an lagi, kaedah permainan telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sains. Menurut Ellington, Gordon, dan Fowlie (1998) permainan didefinisikan sebagai apa-apa pertandingan yang dimainkan di antara

pemain di bawah satu peraturan untuk menang. Antara ciri-ciri yang menunjukkan sesuatu itu adalah permainan apabila ia melibatkan adanya persaingan dan peraturan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat pelbagai kebaikan yang diperoleh daripada perlaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan permainan, kajian-kajian penyelidikan telah membuktikan bahawa permainan pendidikan mampu meningkatkan motivasi, menghiburkan, menarik dan meningkatkan penyimpanan maklumat ke dalam memori murid. Kenyataan ini disokong oleh Ad Nor Azli Ismail dan Jamil Ahmad (2014) yang menyatakan *game-based learning* atau pembelajaran berasaskan permainan merupakan kaedah pembelajaran yang mampu meningkatkan motivasi dan minat murid. Hal ini adalah kerana ciri-ciri yang terdapat pada permainan yang bersifat menghiburkan, dan menarik serta mampu memberikan rangsangan pembelajaran kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ellington et al. (1981) juga pernah membincangkan bahawa permainan merupakan medium yang cekap dan fleksibel di mana banyak objektif pendidikan boleh dicapai, selain itu kaedah ini sesuai digunakan dalam mengukuhkan ingatan murid terhadap sesuatu fakta asas subjek. Kenyataan ini turut disokong oleh Wan Hasmah dan Nur Munirah (2013) yang menyatakan aktiviti permainan sangat sesuai digunakan selepas selesai sesuatu topik pengajaran kerana melalui permainan, murid belajar tanpa menyedari mereka belajar dan mereka juga dapat menghafal fakta secara langsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat juga kajian yang menunjukkan pembelajaran berasaskan permainan adalah berkesan ke atas tingkah laku pembelajaran positif dan tingkah laku prososial

kanak-kanak. Kajian kuasi eksperimen yang dilakukan oleh Lu Chung Chin dan Effandi Zakaria (2015) dengan menggunakan permainan melibatkan penggunaan kad, papan permainan dan buah dadu telah menggunakan 23 orang sebagai kumpulan rawatan, dan 24 orang sebagai kumpulan kawalan. Berdasarkan kajian tersebut didapati bahawa, penglibatan murid terhadap akiviti bermain dapat meningkatkan tumpuan murid, malah tempoh masa sepanjang penglibatan juga dapat meningkatkan penyimpanan maklumat ke dalam memori murid kerana sifat permainan yang berulang-ulang meningkatkan penyimpanan memori. Menurut Driscoll (2005) maklumat yang tidak diulang, akan menyebabkan maklumat tersebut hilang dalam tempoh 15-30 saat. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Wisnu Santoso dan Kadek Primayudi (2014) juga mendapati bahawa kaedah belajar sambil bermain membantu pelajar untuk mengingati istilah-istilah sains.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun tidak dinafikan juga terdapat kajian yang menyatakan bahawa kekurangan elemen kognitif yang terkandung dalam permainan yang hanya menekankan elemen bermain (Hogle, 1996) serta hiburan yang berlebihan (Okan, 2003) menyebabkan murid menumpukan kurang perhatian dan lalai ketika belajar. Malah menurut Lim (2008), walaupun pendekatan pembelajaran berasaskan permainan telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan di beberapa negara maju seperti Eropah dan Amerika, namun ia tidak sesuai di negara Asean kerana isu struktur sosial dan budaya Asean yang mempraktikkan kaedah konvensional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kad Permainan Sebagai Permainan Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri-ciri istimewa yang terdapat pada kad permainan menjadikannya sesuai digunakan sebagai permainan pendidikan. Menurut Ellingon et al. (1981) beliau menyatakan bahawa kad permainan mempunyai ciri-ciri seperti berikut: a) kad permainan mestilah mudah disimpan dan dibawa, dan ianya tidak mahal; b) kebanyakan kad adalah ringkas, boleh dimainkan dalam masa yang singkat; c) formatnya adalah berdasarkan permainan kad yang sedia ada; d) kebanyakan kad permainan menyeronokkan dan mempunyai faktor persaingan yang tinggi, ini bertujuan meningkatkan motivasi pemain. Malah, Lim Carol dan Amir Hamzah Sharaai (2012) yang telah menjalankan kajian penggunaan kad permainan terhadap murid tahun empat juga menyatakan kad permainan senang dihasilkan kerana tidak melibatkan kos yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, sejak awal 1980-an lagi, permainan kad *Happy Family, Donkey, Snap* dan *Old Maid* telah dimainkan oleh kanak-kanak dan murid-murid sekolah. Permainan kad ini dimain secara berkumpulan, namun begitu, berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan tiada laporan kajian yang telah mengadaptasi permainan kad tersebut bagi kajian ilmiah dalam bidang Pendidikan Sains. Jika di luar negara, permainan kad seperti '*Rummy Games'* sering diadaptasi untuk kajian dalam pembelajaran Sains. Contohnya, permainan kad *GI Rummy* oleh Odenweller, Hsu dan DiCarlo (1998) dan *Infectious Diseases Gin Rummy* oleh Backlay, Jeffres dan Bakhta (2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Odenweller et al. (1998) pula berkaitan permainan kad pendidikan dalam memahami fisiologi usus. Kajian ini juga menggunakan kad

permainan sebagai satu alat membantu pembelajaran. Dalam kajian ini, bahan pendidikan yang kreatif telah dibangunkan untuk menambah baik kuliah. Bahan pendidikan tersebut untuk membantu murid memahami dan mengaplikasikan konsep asas sains dalam format yang lebih mencabar dan menarik. Sebanyak 240 keping kad permainan *Go Gastrointestinal* (GI) dan *GI Rummy* telah dibangunkan, dan pelajar diminta menilai bahan pendidikan tersebut, hasil kajian mendapati permainan tersebut berjaya mengalakkan pembelajaran dan perbincangan konsep fisiologi usus dan kebanyakan pelajar menghargai nilai pengajaran yang terdapat pada permainan tersebut.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Barclay et al. (2011) pula mengkaji keberkesanan kad permainan dalam kalangan 45 pelajar farmasi. Pelajar didedahkan kepada permainan selama satu jam, tiga kali seminggu selama enam minggu. Dua jenis kad permainan yang dibangunkan iaitu *Cardiology Go Fish* dan *Infectious Diseases Gin Rummy* dan dimainkan oleh murid selama enam minggu. Responden menjawab 90 soalan pra dan pasca. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat peningkatan yang lebih tinggi dalam skor penilaian kardiologi dan penyakit berjangkit berbanding penilaian farmasi, dengan nilai skor masing-masing sebanyak 19.2%, 10.3% dan 5.1% .

Reka bentuk permainan yang bersifat kompetitif akan memberi motivasi kepada murid dalam permainan. Motivasi inilah yang memandu murid supaya lebih berusaha menguasai kandungan topik pembelajaran dan ini membolehkan pembelajaran berlaku secara optimum seterusnya meningkatkan pencapaian murid-murid. Terdapat beberapa kajian menyokong penggunaan kad permainan dalam

pembelajaran antaranya kajian yang dilakukan oleh Lim Carol dan Amir Hamzah Sharaai, (2012) dan Gutierrez (2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Lim Carol dan Amir Hamzah Sharaai (2012) adalah untuk membandingkan keberkesanan antara kaedah kad permainan dengan buku besar dalam membantu murid tahun empat mengenali ciri-ciri penyesuaian tumbuhan terhadap cuaca melampau, kajian tersebut mendapati min kumpulan yang diberikan intervensi kad permainan telah meningkat sebanyak 87.3% manakala min kumpulan yang diberikan intervensi buku besar telah meningkat sebanyak 65.1%. Lim Carol dan Amir Hamzah Sharaai (2012) menjekaskan bahawa kaedah kad permainan adalah lebih berkesan daripada kaedah buku besar dalam meningkatkan prestasi responden secara keseluruhannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Yee Cheng Hong dan Amir Hamzah Sharaai (2012) juga berkaitan perbandingan, namun ia berkaitan perbandingan kaedah main peranan dan penggunaan kad permainan dalam meningkatkan pencapaian dan minat murid tahun empat dalam tajuk siratan makanan. Ini juga merupakan kajian eksperimen. Kajian ini yang dilakukan kepada 14 orang murid. Data diperoleh melalui ujian soal selidik, pra-pasca dan temubual. Responden kumpulan pertama diberikan intervensi kad permainan manakala kumpulan kedua diberikan intervensi main peranan. Analisis ujian-t mendapati kedua-dua intervensi adalah berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dan menarik minat responden. Ini bertepatan dengan dapatan kajian Eng (2008), bahawa penggunaan kad permainan adalah efektif untuk membantu pelajar dalam menguasai sesuatu kemahiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian Yee Cheng Hong dan Amir Hamzah Sharaai (2012) serta kajian oleh Eng (2008) itu, maka jelas menunjukkan bahawa kad permainan juga telah diuji mampu meningkatkan pencapaian murid serta membantu murid menguasai sesuatu kemahiran. Kajian eksperimen Yee Cheng Hong dan Amir Hamzah Sharaai (2012) dilihat lebih bagus kerana memperlihatkan penggunaan pengumpulan data yang pelbagai dengan menggunakan tiga instrumen, namun kajian tersebut mempunyai bilangan responden yang terhad, iaitu hanya 14 orang responden.

Kajian lain yang menunjukan keberkesanan penggunaan kad adalah kajian yang dilakukan oleh Gutierrez (2014). Kajian tersebut dilakukan terhadap responden yang dipilih dari dua buah kelas biologi Kampus Sarmiento- *Bulacan State University,* hasil analisis ujian-t menunjukkan permainan kad lebih berkesan bagi membantu pelajar memahami konsep biologi berbanding penggunaan kaedah pengajaran tradisional.

> "*Both methods (traditional or using the educational card game) were found to be effective methods of enhancing understanding of biological concepts. However, students who used the educational card game had a significantly higher gain in scores than students who were exposed to the traditional methods.*" (Gutierrez , 2014 p.81)

Kajian yang dilakukan oleh Gutierrez (2014), berkaitan penilaian terhadap kad permainan yang dibangunkan dan responden menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan kad permainan tersebut. Kajian tersebut mendapatkan data melalui ujian pra dan pasca 60 item dan instrumen penilaian. Seramai 54 orang responden sabagai

kumpulan kawalan, manakala 53 responden sebagai kumpulan rawatan. Teknik analisa yang digunakan adalah menggunakan ujian-t dan pengukuran penilaian dengan statistik deskriptif min skor dan frekuensi. Kajian ini menggunakan interpretasi verbal daripada responden. Namun disini, penggunaan min skor sahaja adalah tidak memadai kerana bimbang dipengaruhi oleh kesan kecenderungan nilai min skala ordinal menghala ke pusat skala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dilakukan oleh Su, Cheng dan Lin (2014) juga melihat keberkesanan kad permainan pendidikan. Dalam kajian ini, kad permainan pendidikan berpotensi untuk membantu murid dalam pembelajaran sistem keimunan. Seratus tujuh puluh satu responden terlibat dalam kajian ini. Responden dalam kajian ini lebih ramai dan menunjukkan persepsi yang positif terhadap pengajaran berasaskan permainan dan mereka menyatakan bahawa pembelajaran berasaskan permainan lebih menarik berbanding pengajaran secara tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai kajian telah membuktikan kebaikan dan keberkesanan penggunaan kad permainan pendidikan dalam pengajaran sains. Namun begitu sehingga kini belum terdapat kajian yang menguji terhadap pengetahuan dan kemahiran asas radas makmal.

Setiap tindakan yang dilaksanakan tidak terlepas daripada cabaran, begitu juga dalam perlaksanaan penggunaan kad permainan, terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan permainan pendidikan antaranya masa dan sumber. Pembelajaran menggunakan permainan pendidikan mengambil masa untuk murid memahami cara bermain dan peraturan permainan sebelum mahir untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengendalikan permainan tersebut. Selain itu juga, guru perlu bijak memilih sumber permainan yang tepat untuk pembelajaran, ianya mesti seiring dengan objektif pembelajaran. Guru perlu memastikan murid bukan sekadar melakukan aktiviti bermain untuk seronok bermain sahaja, tetapi perlulah menjadikan objektif pembelajaran tercapai melalui aktiviti bermain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Pengetahuan dan Pengendalian Radas

Teknik permainan dilihat memberi sumbangan yang bermakna dalam pendidikan sains (Ellington, 1981). Sains merupakan subjek elektif di peringkat sekolah menengah. Namun begitu, penguasaan subjek sains di Malaysia masih tidak memberangsangkan berdasarkan dapatan pencapaian PISA (Program Penilaian Murid Antarabangsa) 2012 yang menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan ke-53. Subjek sains ini diadakan bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan sains, kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir serta mampu mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran berlandaskan sikap saintifik dan nilai murni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penguasaan kemahiran saintifik amat diperlukan oleh murid pada hari ini kerana dengan menguasainya, murid belajar secara aktif mencari jawapan kepada sesuatu masalah. Kemahiran saintifik terdiri daripada kemahiran proses sains dan kemahiran manipulatif. Mariam dan Rohaida (2010) dalam kajiannya terhadap tahap penguasaan kemahiran manipulatif dalam kalangan pelajar tingkatan empat mendapati

tahap penguasaan kemahiran manipulatif, khususnya pelajar lepasan sekolah menengah masih tidak memberangsangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemahiran pengendalian bahan dan peralatan sains adalah dituntut dalam Kurikulum Sains yang seperti yang dinyatakan dalam Kemahiran Saintifik. Kemahiran maniputif yang merupakan sebahagian daripada kemahiran saintifik perlu kuasai oleh murid adalah seperti berikut:

- Mengguna dan mengendalikan bahan dan peralatan sains secara betul dan sempurna.
- Membersihkan peralatan sains secara betul dan sempurna.
- Menyimpan peralatan sains secara betul dan selamat selepas digunakan.
- Mengendalikan spesimen secara betul dan sempurna.
- Memerhati, mengukur dan merekod secara betul dan sempurna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian lain melaporkan bahawa dapatan Sinnadurai et al. (2004) mendapati pengendalian radas sains dalam kalangan guru pelatih adalah lemah. Lee (2005) pula mendapati lebih kurang 40% daripada pelajar Kolej Matrikulasi Kedah tidak dapat menamakan radas seperti pipet, kelalang volumetrik dan jubin putih, dalam bahasa Inggeris. Kelemahan ini dikesan apabila pelajar telah mengambil radas yang salah semasa menjalankan eksperimen. Izuan Shah Ahmad Tajuddin (2005) mendapati pelajar Kolej Matrikulasi Labuan tidak dapat mengendali radas sains dengan sempurna walaupun mereka biasa menggunakannya di makmal sains sekolah. Semua kajian-kajian yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada kajian yang menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam penguasaan pengetahuan asas radas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

makmal dan kemahiran mengendalikannya sama ada dalam kalangan guru pelatih mahu pun pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekiranya di peringkat pengajian tinggi, dikesan kelemahan penguasaan radas makmal, tidak mustahil di peringkat rendah juga berlakunya hal yang sama. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan terdapat juga kajian lain yang menunjukkan bahawa terdapat juga diperingkat tinggi pengajian yang menunjukkan penguasaan radas yang tinggi, Meor Ibrahim Kamaruddin dan Hazira Hassan (n.d) dalam menguji kemahiran manipulatif dalam kalangan pelajar tahun akhir Pendidikan Sains di Universiti Teknologi Malaysia menggunakan 27 orang responden, mendapati peratus responden mempunyai penguasaan kemahiran manipulatif yang tinggi iaitu (80.3%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, 15 orang daripada 27 orang paling lemah dalam aspek melakar spesimen, peralatan dan bahan sains dengan tepat. Kajian Meor dan Hazira (n.d) menggunakan instrumen borang soal selidik, 21 item yang berkaitan dengan tahap penguasaan kemahiran manipulatif iaitu kemahiran menggunakan dan mengendalikan peralatan dan bahan sains dengan betul, menyimpan peralatan sains dan bahan dengan betul dan selamat, membersihkan peralatan sains dengan cara yang betul, mengendalikan spesimen sains hidup dan bukan hidup dengan betul dan cermat dan melakar spesimen, peralatan dan bahan sains dengan tepat. Manakala satu soalan lagi bagi menentukan perspektif pelajar tahun akhir mengenai kepentingan kemahiran manipulatif dalam amal. Dalam kajian tersebut, penyelidik mengambil sampel bertujuan bagi mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki. Kajian ini adalah terhadap bakal guru, dan dapatan menunjukkan masih dikesan dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebilangan bakal guru bahawa terdapat kelemahan dalam melukis dan melakar, bahan, spesimen dan radas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memang masih kurang kajian khusus yang dilakukan menguji pengetahuan asas menamakan radas sahaja, namun terdapat beberapa kajian berkaitan penguasaan radas makmal dari segi penggunaan radas. Antaranya kajian mengenal pasti tahap penguasaan penggunaan alat radas makmal sains pelajar tingkatan empat aliran sains ialah kajian yang dilakukan oleh Farhana Munirah (2004). Kajian yang dilakukan ini hanya melibatkan beberapa alat radas makmal sains iaitu termometer, tabung uji, kelalang kon, kelalang volumetrik, silinder bersenggat, buret dan pipet. Responden kajian yang terlibat terdiri daripada 120 orang pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah menengah di sekitar Kuala Terengganu, Terengganu. Berdasarkan dapatan kajian, penguasaan pelajar dalam penggunaan alat radas makmal sains adalah sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi memperbaiki kualiti penguasaan kemahiran manipulatif ini, guru-guru perlu kreatif untuk menghasilkan pembelajaran yang bermakna. Maka guru berkesan perlu memahami dan menghayati matlamat program pendidikan serta menterjemahkan kandungan kurikulum sesuatu mata pelajaran dengan cara yang menarik dan mudah difahami pelajar, dan melalui permainan adalah salah satu aktiviti yang menggalakkan pembelajaran aktif (Wan Hasmah dan Nur Munirah, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru sewajarnya mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai demi memastikan proses pembelajaran berlangsung dengan jaya dan objektif yang dirancang tercapai.

2.5 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasrat untuk melahirkan murid yang berpengetahuan dan berkemahiran sains akan dapat dicapai melalui pembelajaran yang berkesan. Permainan pendidikan yang dibina dengan ciri-ciri yang tepat dapat membantu meningkatkan pencapaian murid serta kualiti pembelajaran sains seseorang. Permainan kad pendidikan yang dibangunkan perlu menerapkan elemen kognitif, bukan sekadar hiburan dan guru perlu memastikan bahawa matlamat atau objektif pendidikan yang dirancang akan tercapai dengan sempurna.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

